

**PERANAN INSTITUSI AGAMA ISLAM DALAM MEMBANTU MASYARAKAT AWAM
DI MALAYSIA AKIBAT PENULARAN COVID-19 DAN KEFAHAMAN
KONSEP RAHMATAN LIL-‘ĀLAMĪN**

**The Role Of Islamic Religious Institutions In Helping Public Community In Malaysia Due To
Covid-19 Transmission And Understanding Of
Rahmatan Lil-‘ĀlamĪn Concept**

Mohd Faridh Hafez Mhd Omar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Emel: faridhomar@usim.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan peranan institusi agama Islam dalam membantu masyarakat awam yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19 di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif ke atas beberapa jenis institusi agama Islam - agensi kerajaan dan bukan kerajaan - dan dianalisis menggunakan kaedah perbandingan. Kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam pelaksanaan bantuan yang diberikan seperti; kumpulan penerima, jenis agihan bantuan yang diberikan dan sumber yang diguna pakai. Namun, dalam masa yang sama kajian mendapati satu elemen kesamaan dikongsi oleh setiap institusi agama Islam, iaitu memelihara nyawa masyarakat awam dalam memastikan kelangsungan hidup yang aman dan terjamin. Dengan itu, dapat disimpulkan peranan institusi agama Islam dalam menangani pandemik Covid-19 memenuhi prinsip *maqāsid syarī‘ah* dan memaknai konsep *rahmatan lil-‘ālamĪn*.

Kata kunci: institusi agama, Islam, Covid19, *rahmatan lil-‘ālamĪn*

PENDAHULUAN

Virus Covid-19 merupakan pandemik yang pertama kali merebak ke seluruh pelosok dunia dengan begitu pantas. Pandemik Covid-19 diperakui sebagai musibah dan ujian besar dalam sejarah kemanusiaan di zaman moden. Virus COVID-19 ini dikategorikan satu pandemik yang sangat menakutkan kerana telah membabitkan jutaan mangsa, dengan lebih satu juta kematian direkodkan di seluruh dunia. Di Malaysia, menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sehingga 12 Oktober 2020, mangsa positif Covid-19 berjumlah 15,567 kes dengan 157 kematian. Dalam masa sama, 10,913 mangsa telah disahkan pulih (KKM, 2020).

Lantaran dari itu, merujuk kepada beberapa laporan antarabangsa, waima negara-negara maju yang mempunyai kumpulan pakar perubatan yang hebat, peralatan kesihatan dan ujian saringan yang canggih sekali pun, tidak terkecuali dari dilanda virus ini serta bertungkus lumus memeranginya seperti Amerika Syarikat, England, Itali dan China. Ini menunjukkan bahawa pandemik ini tidak mengenal bangsa, negara, rupa, warna kulit mahupun status ekonomi sesebuah negara. Dalam usaha untuk membendung penularan virus Covid-19 dari menjangkiti semua masyarakat dunia, beberapa langkah pencegahan telah disarankan untuk diambil tindakan. Antaranya seperti melakukan ujian saringan awam dengan tujuan memutuskan rangkaian jangkitan, arahan *lockdown* atau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), penjarakan sosial, serta melakukan beberapa aktiviti kebiasaan baharu seperti kerap membasuh tangan dengan sabun, pakai pelitup muka di kawasan awam dan menggunakan cecair sanitasi tangan bagi membantu menghentikan penularan pandemik ini dari terus merebak (Yunus & Rezki, 2020).

Kesan dari itu, seluruh sistem kehidupan manusia telah berubah secara mendadak dari sudut interaksi sosial, kerancangan pembangunan ekonomi, hubungan geo-politik antara negara, perkembangan budaya dan lain-lain. Bahkan, perubahan yang berlaku juga mengakibatkan sebahagian dari masyarakat menghadapi tekanan dalam diri seperti terputus bekalan makanan, hilang pekerjaan, penyakit mental, kekerasan di dalam rumah tangga, atau boleh disimpulkan sebagai tekanan psikologi (*psychological distress*) dan kepuasan kehidupan (*life satisfaction*) (Satici, B. et.al, 2020). Namun, kebanyakan perhatian pelan pemulihan pandemik berfokus kepada kelangsungan ekonomi dan tatacara kehidupan sosial. Sedangkan amalan keagamaan turut sama terkesan seperti rumah ibadah ditutup dan tiada acara keagamaan secara berkumpulan yang boleh mengakibatkan masyarakat hilang panduan keagamaan. Justeru, peranan institusi agama yang berkesan dan aktif turut sama penting dalam memastikan amalan keagamaan dapat diteruskan walaupun dalam skala kecil dengan beberapa aturan yang perlu dipatuhi oleh penganut agama. Bahkan, Islam sebagai agama yang syumul dan lengkap dipandu dengan lima prinsip asas *maqasid syariyyah*, perlu mendahului dan ditonjolkan sebagai solusi kepada krisis kemanusiaan tanpa menafikan mana-mana pihak. Perkara ini penting untuk diberi perhatian agar tatacara hidup manusia tidak terputus dari aspek kerohanian dan keagamaan terutama dalam menghadapi sesuatu pandemik seperti Covid-19 (Faust, H.S, et.al, 2009).

Malaysia merupakan sebuah negara majoriti Muslim yang bersifat majmuk dari aspek kepelbagaian bangsa, bahasa, agama dan budaya, juga turut terkesan akibat pandemik Covid-19. Sebagai sebuah negara majoriti Muslim, beberapa langkah dan dasar yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam usaha untuk mengekang wabak pandemik Covid-19 dilihat mengambil kira kepentingan agama Islam dan penduduk Muslim tanpa menafikan hak-hak masyarakat bukan Muslim. Sebagai contoh, dari aspek amalan keagamaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah bekerjasama mengeluarkan garis panduan menunaikan solat berjemaah di masjid dalam tempoh perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 (JAKIM, 2020). Selain dari itu, terdapat juga beberapa institusi atau organisasi bukan kerajaan (*NGO*) Islam seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM), MAPIM turut terlibat sama dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa Covid-19 tanpa mengira latar agama dan bangsa samada bantuan bersifat material, kerohanian dan psikologikal. Kesemua peranan yang diambil oleh setiap institusi agama Islam – agensi kerajaan atau bukan kerajaan - dalam menghadapi pandemik Covid-19 menunjukkan akan kesediaan melaksanakan konsep *rahmatan lil-‘ālamīn* dengan kefahaman yang benar dan jelas. Perkara ini secara tidak langsung membantu menjadikan Malaysia sebagai model negara Islam terbaik di dunia.

COVID-19 DAN MALAYSIA

Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) telah umumkan COVID-19 sebagai satu wabak penyakit Coronavirus. Covid-19 turut dikenali dengan nama lain iaitu SARS-CoV-2 atau sebelumnya dikenali sebagai 2019-nCoV (World Health Organization (WHO), 2020a). Ianya merupakan wabak yang akan mengakibatkan sindrom pernafasan akut yang kritikal dan pertama kali ditemui di sebuah pasar makanan laut di Selatan Hunan bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China pada 12 Disember 2019 (Elengoe, 2020; Yan-Rong Guo et al., 2020). Pada 30 Januari 2020, Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) dengan rasminya telah mengisytiharkan penularan ini sebagai wabak epidemik yang perlu diberi perhatian antarabangsa sebagai kecemasan kesihatan awam dan perlu dihentikan segera rantaian jangkitan (Yan-Rong Guo et al., 2020). Ini kerana, data WHO pada awal suku tahun iaitu sehingga 1 Mac 2020, merekodkan sejumlah 87,137 kes yang disahkan positif Covid-19 di seluruh dunia dengan sebanyak 79,968 kes berlaku di China manakala baki sebanyak 7,169 kes telah merebak ke luar negara China serta telah mencatatkan kematian sebanyak 2,977 kes dengan 3.4 peratus dalam tempoh dua minggu (Yan-Rong Guo et al., 2020).

Di Malaysia, menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kes pertama Covid-19 yang dikenal pasti telah direkodkan pada 25 Januari 2020 yang membabitkan tiga pelancong warganegara

China. Mereka telah disahkan positif Covid-19 setelah melakukan pemeriksaan kesihatan pada 23 Januari 2020 di Johor selepas bercuti di Singapura (Berita Harian, 2020). Susulan dari itu, kerajaan Malaysia telah mengeluarkan arahan tidak membenarkan warganegara Malaysia melakukan lawatan atau melancong ke negara China, dan kemasukan pelancong ke negara ini terutama dari China mula diperketatkan di setiap pintu masuk sama ada di lapangan terbang mahupun laluan darat di setiap sempadan negara.

Kerajaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil pendekatan yang baik dan langkah pantas bagi membendung penularan wabak dengan memperkenalkan tiga strategi penting iaitu pencegahan, pembendungan dan kawalan (Rohman, 2020). Berdasarkan maklumat dari laman infografik KKM pada peringkat awal penularan iaitu sekitar suku tahun dari Januari ke Mac 2020, Malaysia telah mencatatkan sebanyak 2,858 kes jangkitan dengan Selangor sebagai negeri yang mempunyai kes tertinggi iaitu sebanyak 718 kes diikuti Kuala Lumpur sebanyak 446 kes dan seterusnya Johor dan Sabah yang masing-masing mencatat 361 dan 208 kes. Lain-lain negeri adalah di bawah 200 kes jangkitan tanpa tiada negeri atau wilayah yang tidak mencatatkan kes COVID-19. Sehingga pertengahan Ogos tahun ini, Malaysia telah mencatatkan sebanyak 9,306 kes jangkitan.

Walaubagaimanapun, sehingga penghujung Ogos, Malaysia masih berada jauh di bawah berbanding negara-negara lain di dunia dalam bilangan kes COVID-19. Malahan data terkini, berbanding negara-negara ASEAN, Malaysia berada di belakang Singapura yang jumlah populasinya jauh lebih kecil tetapi mempunyai kes enam kali ganda daripada Malaysia iaitu sebanyak 56,666 kes (KKM, 2020). Berdasarkan data KKM, kadar kematian yang rendah iaitu 1.34 peratus serta kadar pesakit pulih yang tinggi iaitu 97.03 peratus menunjukkan Malaysia mampu mengekang penularan COVID-19 dari menjadi lebih parah di dalam negara sendiri.

PERMASALAHAN KAJIAN

Impak Covid-19 di Malaysia

Selama hampir tujuh bulan menghadapi Covid-19 dan mengawalinya agar tidak menular dikalangan rakyat tempatan dengan kes harian tidak lebih 10 pesakit yang positif, pada 9 Oktober 2020 Malaysia dikejutkan dengan pengumuman dari Ketua Pengarah KKM, Norhisham Abdullah memaklumkan Malaysia memasuki gelombang ketiga. Ini susulan dari kes positif Covid-19 melebihi satu ratus lebih tiga hari berturut-turut (Harian Metro, 2020).

Pertambahan kes positif Covid-19 ini disebabkan beberapa faktor. Menurut Norhisham Abdullah, selain gen mutasi Covid-19 yang berubah dan lebih mudah untuk menjangkiti, tambah beliau, faktor kelalaian menjaga diri dengan tidak memakai pelitup muka, tidak mensanitasi tangan dan tidak menjaga jarak fizikal di tempat awam adalah penyumbang utama kepada pertambahan kes positif Covid-19 di dalam gelombang ketiga di Malaysia. Perkara ini disokong di dalam kajian awal yang dilakukan oleh Shuging dan Yuanyuan di China. Hasil pemerhatian awal ke atas data kes jangkitan Covid-19 di Wuhan di antara Januari sehingga April 2020, mereka mendapati faktor kelalaian dan tidak patuh kepada piawai penjagaan diri oleh masyarakat adalah penyumbang utama kes Covid-19 kembali meningkat (Xu dan Li, 2020).

Selain implikasi kesihatan awam, Covid-19 juga mendesak kerajaan sesebuah negara untuk melaksanakan beberapa langkah pengawalan yang secara tidak langsung turut memberi kesan buruk kepada masyarakat awam, termasuk di Malaysia. Antara sektor yang memberi implikasi kepada masyarakat seperti sektor ekonomi dan sosial. Bahkan *The Economist* mengakui Covid-19 adalah bencana paling buruk di dalam sejarah kemanusiaan di mana usaha pemulihan sektor ekonomi, sosial dan politik di seluruh dunia tiada tarikh tetap yang boleh dijangkakan. Walaupun langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dapat mengawal radius jangkitan, tetapi kesan besar akibat perlaksanaan PKP ke atas kumpulan B40 ialah hilang pekerjaan, terputus bekalan makanan dan tiada sumber pendapatan isi rumah secara harian (Fabeil et.al, 2020).

Selain dari itu, sektor keagamaan juga terkesan dengan pelaksanaan PKP di Malaysia di mana amalan keagamaan di masjid bagi komuniti Muslim terpaksa dihentikan. Tiada solat berjemaah, tiada kuliah agama, tiada majlis keagamaan secara berkumpulan, di mana acara-acara ini begitu dominan di dalam masyarakat Muslim di Malaysia. Di peringkat awal, masyarakat Muslim di Malaysia tidak bersedia dengan langkah kerajaan menghentikan acara keagamaan di masjid. Tersebar banyak pandangan awal sebahagian agamawan yang turut tidak bersetuju dengan pelaksanaan tersebut. Selain itu, terdapat juga perkongsian awam di media sosial yang menyatakan sebahagian mereka berasa kekok untuk melaksanakan amalan keagamaan di rumah bersama ahli keluarga. Ini adalah kerana majlis tahlil, solat sunat Aidiladha dan membaca khutbah sebelum ini dilakukan di masjid dan mengikut imam yang berpengetahuan.

Untuk menangani implikasi seperti yang dinyatakan, langkah proaktif dan berkesan amat perlu dilakukan oleh semua pihak secara bersama antara agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) atau wakil-wakil masyarakat persendirian. Namun, mengambil kira langkah-langkah pencegahan Covid-19 di Malaysia, dapat disimpulkan bahawa komuniti Muslim adalah kumpulan terbesar yang terkesan. Maka dengan itu, peranan institusi Islam di Malaysia dalam menangani masyarakat awam yang terkesan akibat pandemik Covid-19 di dalam kerangka *rahmatan lil-‘ālamīn* amat penting untuk dibincangkan di dalam bahagian seterusnya.

Institusi Islam di Malaysia

Sebagai sebuah negara yang berpaksikan Islam sebagai agama rasmi persekutuan, institusi Islam memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Menurut Saliha Hassan (2003), institusi Islam di Malaysia boleh dikategorikan seperti berikut: agensi kerajaan, agensi korporat atau swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi dengan bantuan kerajaan. Institusi-institusi ini ditubuhkan atas pelbagai faktor dan diuruskan untuk memenuhi pelbagai objektif yang khusus. Secara umumnya, terdapat lima akta yang membolehkan institusi Islam (selain dari agensi kerajaan) ditubuhkan di Malaysia seperti di dalam jadual 1. Manakala contoh bagi setiap kategori institusi Islam di Malaysia seperti di dalam Jadual 2.

Institusi Islam boleh diertikan sebagai pertubuhan yang mengguna pakai prinsip asas agama Islam di dalam visi, misi dan objektif pertubuhan sesuatu institusi dalam melaksanakan aktivisme berkaitan dengan pembangunan sosial. Definisi ini seiring dengan konsep tafsiran organisasi agama yang diperkenalkan oleh Julia Berger (2003):

“religious NGO (R-NGO) represents a unique hybrid of religious beliefs and socio-political activism at all level of society”

Selain itu, institusi Islam turut boleh dikenal pasti melalui penggunaan perkataan ‘Islam’ atau apa-apa perkataan Islamik yang merujuk kepada prinsip asas atau ajaran Islam seperti ‘*da‘wah*’, ‘*syar‘ī*’, ‘*muslim*’ atau lain-lain di dalam nama sesebuah pertubuhan. Definisi ini hanya terpakai kepada institusi yang berdaftar dengan akta seperti yang termaktub di dalam perlembagaan. Manakala bagi agensi kerajaan yang menggunakan perkataan yang sama, institusi tersebut tidak tertakluk kepada definisi ini, namun tetap dikenali sebagai ‘institusi Islam’. Selain itu, walaupun sesebuah institusi Islam itu ditubuhkan mengikut akta yang berkaitan atau berlainan, pengkategorian institusi tersebut akan mengikut kepada hasrat asal pihak yang menubuhkan. Sebagai contoh, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) didaftarkan di bawah akta pertubuhan 1966 pada tahun 1971. Namun, susulan kerajaan memperkenalkan akta pembangunan belia dan pertubuhan belia pada tahun 2007, dan menggazetkan perkataan ‘belia’ hanya sah terpakai kepada pertubuhan belia yang berumur 40 tahun dan ke bawah, dengan mengambil kira hasrat dan *nature* ABIM yang mempelopor agenda kebeliaan Islam, maka kemudiannya ABIM bertukar pendaftaran kepada pertubuhan belia (Laporan Muktamar Sanawiy ABIM ke-36, 2007). Sejak itu, ahli dan kepimpinan ABIM berumur tidak lebih dari 40 tahun sehingga kini.

Sehubungan itu, sebagai negara majoriti Islam, tidak dapat dinafikan bahawa pendaftaran institusi atau pertubuhan dengan menggunakan nama Islam amat sinonim di Malaysia. Mengikut Pendaftaran Pertubuhan, secara umumnya pertubuhan yang berdaftar di Malaysia boleh dikategorikan kepada empat kumpulan; agama, politik, berkaitan perdagangan atau keusahawanan dan alam sekitar dan rekreasi (ROS,2020). Tambahan itu, data 2016 menunjukkan 1216 pertubuhan berdaftar di ROS menggunakan nama 'Islam' dan 'dakwah', di dalam nama rasmi pertubuhan (Mohd Faridh & Sharifah Hayaati, 2016).

AKTA	FUNGSI	CONTOH INSTITUSI ISLAM
Akta Pertubuhan 1966	Terletak di bawah kuasa Menteri di Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan membenarkan sesebuah pertubuhan untuk didaftarkan tertakluk kepada seksyen kecil di dalam akta ini.	-Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) -Persatuan Falak Syarie Malaysia (PFSM) -Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM)
Akta Pembangunan Belia dan Pertubuhan Belia 2007	Terletak di bawah kuasa Menteri di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan membenarkan sesebuah pertubuhan belia untuk didaftarkan tertakluk kepada seksyen kecil di dalam akta ini, iaitu ahli pertubuhan berumur 40 tahun dan ke bawah.	-Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) -Majlis Belia Malaysia (MBM) -Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)
Akta 258	Merupakan akta pemegang amanah yang bertanggungjawab secara langsung kepada Jabatan Perdana Menteri	Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM)
Akta 535	Akta Tabung Haji iaitu berkait dengan pengurusan tabung bagi pendeposit yang berdaftar untuk menunaikan haji	Tabung Haji
Akta Syarikat 2016	Diurus oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan membenarkan sesebuah syarikat ditubuhkan tertakluk kepada seksyen kecil di dalamnya.	-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) -Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Jadual 1

KATEGORI	CONTOH
Agensi Kerajaan	1. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) 2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 3. Lembaga Zakat Negeri
Agensi didokong kerajaan	1. Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM) 2. Institut Wasatiyyah Malaysia (telah ditutup 2018)
Agensi Korporat/Swasta	1. Persatuan Bank-bank Islam Malaysia (AIBIM) 2. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
Badan bukan kerajaan (NGO)	1. Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) 2. Wadah Pencerdasan Ummat (WADAH)

Jadual 2

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kertas kajian konsep. Kaedah pengumpulan data kajian bersifat sorotan kajian literatur dan data sedia ada atau sumber sekunder dengan menganalisis laporan-laporan kajian-kajian terdahulu dan terbaru yang berkaitan dengan fokus perbincangan. Sumber-sumber dan data yang diperolehi daripada jurnal-jurnal, berita akhbar utama secara atas talian dan laporan-laporan rasmi melalui laman-laman web rasmi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri, pertubuhan NGO dan lain-lain.

DAPATAN KAJIAN

Konsep *Rahmatan lil-‘ālamīn* di Malaysia

Secara asasnya, perkataan '*rahmatan lil-‘ālamīn*' adalah gabungan dari dua perkataan yang ada ditengahnya huruf penghubung 'li'. Sarjana Muslim sejak kurun awal lagi mendefinisikan perkataan ini kepada dua bahagian, *rahmah* dan *al-‘ālamīn*.

Menurut Ahmad Sanusi dan Mohd Yusuf (2018), al-Imam al-Tabari menafsirkan '*rahmah*' sebagai sifat rabbani yang bersifat universal, atau *syumuliyah* (istilah Arab) yang menaungi kehidupan setiap makhluk di dunia. Manakala, Al-Imam Ibn al-Jawziy memberikan 16 makna literal ke atas kalimah '*rahmah*' berdasarkan pengertian di dalam Al-Quran. Enam belas makna tersebut adalah: (1)syurga, (2) islam, (3) iman, (4) kenabian, (5) al-quran, (6) hujan (*al-matar*), (7) rezki, (8) nikmat, (9) kesihatan (*‘afiyah*), (10) pemberian (*al-minnah*), (11) kehalusan (*al-riqqah*), (12) pengampunan (*al-maghfirah*), (13) keluasan (*al-si‘ah*), (14) kasih sayang (*al-mawaddah*), (15) pemeliharaan (*al-‘ismah*) dan (16) cahaya (*al-shams*).¹ Dengan pengertian ini, dapat disimpulkan bahawa *rahmah* merujuk kepada sifat kasih dan sayang oleh Allah dan RasulNya ke atas seluruh ciptaan makhluk di dunia. Sementara itu, merujuk ayat 107, surah Al-Anbiya, Al-Imam Ibn Katsir di dalam tafsirnya menyatakan bahawa Allah telah memaklumkan kepada semua ciptaannya bahawa akan diutus seorang Nabi bernama Muhammad sebagai utusan Allah yang membawa *rahmah* kepada sekalian alam (Herijanto, 2017).

Atas dasar itu, konsep *rahmah* yang dibawa oleh Islam mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia sejak lahir sehingga mati, dan ia mesti dinikmati oleh semua makhluk terutama manusia. Perkara ini diterjemahkan oleh Nabi Muhammad (saw) dan direalisasikan di dalam

¹ Ibn al-Jawzi, Nuzhah al-‘Ayun al-Nawazir, (Muassasa al-Risalah, 1987), 331-334, di dalam Ahmad Sanusi & Mohd Yusuf, 2018.

kehidupan ketika baginda diutus sebagai rasul Allah. Konsep *rahmah* yang dibawa Nabi Muhammad (saw) dapat dibuktikan dari aspek komunikasi dan interaksi baginda ketika di Makkah dan Madinah. Komunikasi dan interaksi Nabi Muhammad (saw) terhadap kanak-kanak, golongan wanita, warga emas, anak yatim, tawanan perang, haiwan, bahkan pelaku maksiat, membuktikan luasnya konsep *rahmah* yang dibawa Baginda (Ahamd Sanusi & Mohd Yusuf, 2018).

Walaubagaimanapun, wujud persoalan adakah konsep *rahmah* seperti yang dinyatakan turut meliputi mereka yang bukan Muslim, atau khusus kepada Muslim sahaja manfaat *rahmah* tersebut. Dengan itu, terdapat dua pandangan yang berbeza di antara sarjana Muslim terdahulu dan terkini, berpandukan kepada konteks perlaksanaan dan pemahaman konsep *rahmah* tersebut.

Pertama, sarjana Muslim yang berpendapat konsep *rahmah* hanya terfokus kepada mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul. Maka mereka yang tidak beriman kepada Allah dan RasulNya, iaitu bukan Muslim, tiadalah *rahmah* ke atas kehidupan mereka di dunia ini. Pandangan ini merujuk kepada pendapat yang diberikan oleh Ibn Abbas di dalam tafsirnya dan dinukilkan oleh Imam al-Tabari seperti berikut:

“Daripada Ibn Abbas bahawa dia mengatakan sesuatu berkenaan ayat (dan tidak kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat buat sekalian alam), (Ibn Abbas) berkata: Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Rasul, maka akan ditulis ke atasnya rahmah (dia akan mendapat rahmah), dan sekiranya dia tidak beriman, dia akan terselamat (ditanggihkan) dari apa yang telah ditimpakan terhadap umat terdahulu daripada bencana.”

Kedua, seperti mana definisi yang diberikan, terdapat sarjana Muslim yang berpandangan konsep *rahmah* meliputi ke atas semua makhluk termasuk Muslim dan bukan Muslim. Namun, kefahaman ini tertakluk kepada aspek kehidupan sosial, ekonomi, perundangan dan amalan keagamaan tanpa menafikan hak-hak yang telah dipersetujui. Menurut Zulkifli, dakwah Islam pada hari ini perlu menekankan aspek kesyumulan Islam itu sendiri. Dengan itu, prinsip-prinsip asas yang harus mendasari kefahaman konsep ‘*rahmatan lil-‘alamīn*’ meliputi aspek kesejagatan (universalism), wasatiyyah (kesederhanaan), mempertahankan hak kemanusiaan dan *karamah insaniyyah*, dan kebebasan (*al-hurriyyah*). Prinsip-prinsip ini telah dibahas oleh sarjana Muslim kontemporari seperti Syeikh Yusuf al-Qaradawiy, Rashid Ganoushi dan Syeikh Ibn bin Bayyah dan sepakat akan prinsip ini memenuhi *maqasid syar’iyyah*. Oleh demikian, konsep ‘*rahmatan lil-‘alamīn*’ dengan empat prinsip asas ini mendasari deklarasi Marakesh yang memberi penekanan ke atas hak-hak minoriti di sesebuah negara Islam perlu dipelihara dan dibela termasuk Malaysia (Hayward, 2016).

Dengan itu jelas dalam hal ini bahawa kefahaman konsep ‘*rahmatan lil-‘alamīn*’ di dalam konteks masyarakat majmuk seperti di Malaysia perlu mengambil kira pandangan sarjana Islam yang meraikan keluasan makan *rahmah* yang meliputi semua warganegara. Namun, dalam masa yang sama, dari sudut perlaksanaan dan pembinaan dasar-dasar negara perlu memberi keutamaan kepada komuniti Muslim tanpa menafikan keadilan dan hak bukan Muslim. Merujuk kepada krisis pandemik Covid-19 dan perlaksanaan PKP di mana prinsip *maqasid syariyyah* turut terkesan; memelihara nyawa, memelihara nasab, memelihara ekonomi, sudah pasti pelaksanaan konsep ‘*rahmatan lil-‘alamīn*’ perlu meliputi setiap lapisan masyarakat awam tanpa terkecuali. Institusi Islam di Malaysia seharusnya menjadi model terbaik dan menjuarai dalam mengarusperdanakan konsep dan kefahaman ‘*rahmatan lil-‘alamīn*’ kepada negara-negara Islam yang lain ketika menghadapi Covid-19.

Peranan Institusi Islam di Malaysia semasa Covid-19

Dalam banyak literatur, antara peranan yang disandarkan kepada institusi Islam seperti institusi zakat, badan bukan kerajaan (NGO), agensi persendirian/swasta termasuk agensi kerajaan agama Islam di Malaysia berfokus kepada; 1. usaha dakwah kepada komuniti bukan Muslim (Nazim et.al, 2014; Zohdi et.al, 2014), 2. usaha memperkasa agihan zakat (Wahid et.al, 2010), 3. agenda kemanusiaan antarabangsa (Nazri, 2017) dan 4. usaha mempertahankan hak berkaitan hal ehwal Islam dan bumiputera

(Shafirin, 2018). Walaupun tidak menafikan akan bahawa setiap institusi tersebut menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya dengan berkesan serta memenuhi konsep *rahmatan lil-‘ālamīn* berdasarkan visi dan misi yang ditetapkan, namun ia masih dilihat tidak menyeluruh kepada sasaran yang pelbagai. Ia hanya terhad tertumpu kepada komuniti Muslim sahaja.

Tidak banyak literatur yang membincangkan peranan setiap institusi tersebut yang menjalankan aktiviti atau melaksanakan projek yang bersifat terbuka kepada mana-mana pihak samada Muslim atau bukan Muslim. Mengambil contoh institusi Islam di Amerika Syarikat, walaupun setiap institusi atau organisasi yang ditubuhkan mempunyai agenda dan misi khusus, namun didapati mereka konsisten menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kemanusiaan secara terbuka dan bersama (ICNYU, 2019). Bahkan, dalam beberapa aktiviti yang dilaksanakan turut dibantu oleh institusi dari agama lain seperti komuniti Kristian, Yahudi dan Bahai (Leonard, 2003: 15).

Dalam menghadapi pandemik Covid-19, di mana kebanyakan masyarakat awam amat terkesan dengan norma-norma baharu, didapati beberapa institusi Islam bersikap proaktif dan lebih terbuka dalam menyampaikan bantuan dan kemudahan. Terdapat juga laporan yang menyatakan wujud kerjasama erat antara pelbagai agensi dan institusi Islam di Malaysia dalam memastikan kemaslahatan masyarakat awam terpelihara dan selamat. Jika diteliti di laporan-laporan akhbar, terdapat banyak NGO Islam yang turut serta memainkan peranan penting dalam memastikan situasi masyarakat awam terbela di kala pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP.

Sebagai contoh, Angkatan Belia Islam Malaysia mengetuai kempen mengumpul dana bersama beberapa NGO bukan Muslim dan berjaya menyampaikan pelbagai jenis bantuan kemudahan seperti set makanan kering, set barangan dapur, peralatan perlindungan diri (PPE) dan lain-lain kepada lebih 3000 penerima di seluruh Malaysia termasuk petugas kesihatan (ABIM, 2020). Selain itu, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) telah mengaktifkan bantuan 10,000 pek makanan untuk disalurkan kepada waris mangsa Covid-19 dan juga mana-mana pihak yang memerlukan (MyMetro, 2020). Menurut Presidennya, Mohd Azmi Abdul Hamid, bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh mana-mana pihak yang terkesan akibat pelaksanaan PKP.

Tambahan itu, agensi kerajaan agama Islam, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) turut melancarkan Bantuan Khas Covid-19 atau lebih dikenali dengan Tabung Bantuan Musaadah Covid-19 MAIWP. Tabung ini bertujuan sebagai satu usaha untuk meringankan beban orang awam susulan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP. Bantuan diberikan kepada golongan pertengahan merangkumi peniaga kecil, golongan asnaf dan pekerja/individu yang terjejas agar dapat meneruskan kelangsungan hidup tanpa melihat latar belakang agama dan bangsa. Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Agama Islam di dalam kenyataannya yang menyebut:

“saya tidak pernah menyebut Tabung #MusaadahCovid19 khusus untuk Muslim. Saya telah ulang beberapa kali, tabung ini untuk mereka yang memerlukan, termasuk *frontliners* dan lain-lain seperti kader JAKIM, kumpulan pengurusan jenazah dan yang berkeperluan”.

Ini menunjukkan bahawa institusi Islam seperti MAIWP (agensi kerajaan) mengambil langkah proaktif dengan berperanan lebih luas dalam menyampaikan bantuan dan keperluan kepada semua lapisan masyarakat semasa PKP. Merujuk kepada laporan yang disediakan MAIWP, bantuan musaadah berjumlah RM25.11 juta berjaya disampaikan di sepanjang tempoh PKP sehingga Jun 2020 (MAIWP, 2020). Jumlah ini termasuk juga agihan zakat bernilai RM3.27 juta kepada tujuh buah hospital, RM3 juta zakat khas kepada individu dan RM12.1 juta bantuan tunai kepada 24,196 penerima di seluruh Malaysia.

Di peringkat majlis atau jabatan agama Islam negeri, turut mengambil langkah yang sama dalam menyalurkan bantuan kepada mangsa Covid-19 sepanjang PKP di fasa awal. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) mengumumkan peruntukan khas bantuan Covid-19 berjumlah

RM4.3 juta. Walaupun agihan bantuan ini berfokus kepada golongan asnaf berdaftar, petugas masjid dan surau, tetapi agihan turut disalurkan kepada individu dan keluarga berstatus golongan B40 dari semua lapisan masyarakat (Sinar Harian, 2020). Di Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) turut mengagihkan bantuan khas Covid-19 berjumlah RM14 juta kepada hampir 30,000 penerima di seluruh Selangor. Bantuan yang disampaikan turut memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat melalui hospital kerajaan dan Pusat Kesihatan Daerah di sekitar Selangor.

Selain itu, berdasarkan beberapa laporan infografik yang dikongsi oleh institusi Islam samada agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan, terdapat perbezaan ketara sumber kewangan yang diguna pakai dan hasil sumber tersebut. Sebagai contoh, kebanyakan NGO Islam mendapatkan sumber kewangan untuk disalurkan kepada masyarakat awam yang terjejas akibat Covid-19 dengan mengadakan kempen atau *crowd funding* di atas talian. Kempen sebegini adalah kaedah pantas bagi NGO dalam mendapatkan sumber kewangan dan diguna pakai oleh kebanyakan NGO di seluruh dunia (Rajwa et.al, 2019). Sumbangan kempen sebegini diraih dari masyarakat awam yang prihatin atas nasib mereka yang lebih memerlukan dan mengambil masa yang lama untuk mencapai sasaran kutipan. Berbeza dengan agensi kerajaan di mana mempunyai sumber kewangan yang kukuh samada dari cukai, atau zakat dan derma bagi institusi Islam di Malaysia. Secara tidak langsung ia mempengaruhi peranan yang dimainkan oleh setiap institusi Islam di Malaysia dalam menyampaikan bantuan kepada masyarakat awam samada bantuan tersebut dapat disampaikan dengan segera atau lambat. Tidak dinafikan bahawa pandemik Covid-19 telah menyebabkan institusi Islam di Malaysia yang sebelum ini dianggap lesu dan tidak berkesan, telah bertindak dengan sangat proaktif dan responsif. Namun, cabaran ini antara aspek yang perlu dipertingkatkan oleh setiap institusi Islam di Malaysia, terutama apabila menghadapi gelombang ketiga Covid-19.

KESIMPULAN

Umumnya, Covid-19 dan pelaksanaan PKP jelas menjejaskan kehidupan masyarakat awam dan merencatkan perkembangan sosial dan ekonomi secara drastik. Dalam suasana baru untuk beradaptasi dengan norma-norma kehidupan baharu, kelangsungan kehidupan dan kestabilan ekonomi masyarakat awam harus menjadi keutamaan kerajaan dan memastikan kesemuanya mendapat pembelaan yang sewajarnya. Dalam hal ini, Malaysia sebagai negara majmuk dengan majoriti populasinya Muslim, peranan institusi Islam termasuk agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) Islam perlu proaktif dan responsif dalam menghadapi pandemik Covid-19.

Oleh yang demikian, institusi Islam amat bertepatan menjadi wadah utama penyaluran bantuan kepada seluruh masyarakat awam yang terjejas akibat Covid-19. Peranan ini amat jelas memenuhi konsep *rahmatan lil-`alamīn* dan meliputi kehendak prinsip *maqasid syariyyah*. Institusi Islam di Malaysia berpotensi besar untuk menjadi contoh kepada negara-negara lain samada negara Islam atau negara Barat dalam aspek pengurusan bencana seperti Covid-19 tanpa mendiskriminasi mana-mana pihak yang memerlukan. Perkara ini seharusnya menjadi tanda aras utama institusi Islam dalam mempromosikan agenda keamanan dan perdamaian antara sesama manusia.

RUJUKAN

- Ahmad Sanusi Azmi, & Mohd Yusuf Ismail (2018). Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*.
- Berger, Julia. (2003) "Religious nongovernmental organizations: An exploratory analysis." *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations* 14, no. 1: 15-39.
- Elengoe, A. 2020. *COVID-19 Outbrake in Malaysia*. Osong Public Health and Research Perspectives. 11(3) 93–100. Selangor: Lincoln University College.

- Fabeil, Noor Fazlinda, Khairul Hanim Pazim, and Juliana Langgat. "The Impact of Covid-19 Pandemic Crisis on Micro-Enterprises: Entrepreneurs' Perspective on Business Continuity and Recovery Strategy." *Journal of Economics and Business* 3, no. 2 (2020).
- Faust, H. S., Bensimon, C. M., & Upshur, R. E. (2009). The role of faith-based organizations in the ethical aspects of pandemic flu planning—lessons learned from the Toronto SARS experience. *Public Health Ethics*, 2(1), 105-112.
- Hayward, S. (2016). Understanding and Extending the Marrakesh Declaration in Policy and Practice.. US Institute of Peace. Retrieved October 20, 2020, from <http://www.jstor.org/stable/resrep12248>
- Herijanto, H. (2017). The Rahmatan Lil Alamin in Islamic Law and Economics. *International Journal of Business Marketing and Management*, 2(1), 21-27.
- Leonard, K. I. (2003). *Muslims in the United States: The state of research*. Russell Sage Foundation.
- Nazim, A. M., Sham, F. M., & Hamjah, S. H. (2014). Peranan Ngo Islam Dalam Merealisasikan Pendekatan Islam Hadhari Di Malaysia (*The Role Of Islamic Non-Government Organizations (NGO) In Realizing The Islam Hadhari Approach In Malaysia*). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 6(1), 1-12.
- Nazri, N. A. S. B. (2017). Peranan Organisasi Bukan Kerajaan (Ngo) Dalam Konflik Kemanusiaan Di Palestin. *Islam Realitas: Journal Of Islamic & Social Studies*, 3(1), 50-67.
- Omar, M. F. H. M., & Ismail, S. H. S. (2019). Development Of NGO Governance In Malaysia: Lessons From Indonesia And Jordan. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 13(2), 70-80.
- Rajwa, P., Hopen, P., Mu, L., Paradysz, A., Wojnarowicz, J., Gross, C. P., & Leapman, M. S. (2020). Online Crowdfunding Response to Coronavirus Disease 2019. *Journal of General Internal Medicine*, 1.
- Satici, B., Gocet-Tekin, E., Deniz, M. E., & Satici, S. A. (2020). Adaptation of the Fear of COVID-19 Scale: Its association with psychological distress and life satisfaction in Turkey. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 1.
- Shafirin, M. A. (2018). Pertikaian Comango Terhadap Hak Asasi Melayu-Islam Di Malaysia: Satu Kajian Strategik Ekonomi Politik. *Jurnal Syarikah: Jurnal Ekonomi Islam*, 3(2).
- Yan-Rong Guo, Cao, Q.-D., Hong, Z.-S., Tan, Y.-Y., Chen, S.-D., Jin, H.-J., Yan, Y. 2020. *The Origin, Transmission and Clinical Therapies on Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Outbreak – An Update on the Status*. *Military Medical Research*. 7(11), 1–10.
- Yunus, N. R., & Rezki, A. (2020). Kebijakan Pemberlakuan Lock Down Sebagai Antisipasi Penyebaran Corona Virus Covid-19. *Salam: Jurnal Sosial dan Budaya Syar-i*, 7(3), 227-238.
- Xu, S., & Li, Y. (2020). Beware of the second wave of COVID-19. *Lancet (London, England)*, 395(10233), 1321–1322. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(20\)30845-X](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(20)30845-X)

Wahid, H., Ahmad, S., & Kader, R. A. (2010). Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), 141-170.

Zohdi, M., Ramli, Y. M., & Awang, J. (2014). Peranan dan Sumbangan JAKIM dalam Dialog antara Agama/The Role and Contribution of JAKIM in Interfaith Dialogue. *International Journal of Islamic Thought*, 6, 26.

Internet

ABIM. 31 Mac 2020. Bantuan Covid-19: Kad Laporan ABIM setakat 29 Mac 2020. <https://www.facebook.com/abimalaysia/posts/bantuan-covid-19-kad-laporan-abim-setakat-29-mac-2020assalamualaikum-warahmatull/3197676390244992/> (Diakses pada 19 Oktober 2020)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). 2020. Kes positif Covid-19 mengikut negeri. <http://covid-19.moh.gov.my/terkini> (Diakses pada 12 Oktober 2020).

Berita Harian Online. 17 Mac 2020. Kronologi Covid-19 di Malaysia. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>. (Diakses pada 13 Oktober 2020).

Bernamea News. 2020. COVID-19: Garis panduan solat jemaah berdasarkan perbincangan Majlis Fatwa Kebangsaan. <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1879027> (Diakses pada 12 Oktober 2020).

Harian Metro, 9 Oktober 2020. Malaysia memasuki gelombang ketiga Covid-19. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/10/628953/malaysia-memasuki-gelombang-ketiga-covid-19> (Diakses pada 19 Oktober 2020).

My Metro. 22 Mac 2020. MAPIM aktifkan bantuan 10,000 pek makanan. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/557152/mapim-aktifkan-bantuan-10000-pek-makanan> (Diakses pada 20 Oktober 2020).

JAKIM. 2020. SOP Aktiviti Masjid dan Surau. <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/2465-sop-aktiviti-masjid-dan-surau>. (Diakses pada 12 Oktober 2020)

MAIWP. 2020. Maklumat bantuan kecemasan #MUSAADAHCOVID19MAIWP. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/makumat-bantuan-kecemasan-musaadahcovid19-maiwp> (Diakses pada 15 Oktober 2020).

Pendaftar Pertubuhan. 2020. https://www.ros.gov.my/index.php?id=2&page_id=5&articleid=224 (Diakses pada 15 Oktober 2020).

Sinar Harian. 28 Mac 2020. MAINS sediakan peruntukan khas Covid-19. <https://www.sinarharian.com.my/article/76098/EDISI/Melaka-NS/MAINS-sediakan-peruntukkan-khas-Covid-19> (Diakses pada 13 Oktober 2020).

The Economist. 14 Mei 2020. Tracking the economic impact of Covid-19 in real time. <https://www.economist.com/united-states/2020/03/14/tracking-the-economic-impact-of-covid-19-in-real-time> (Diakses pada 10 Oktober 2020)

World Health Organization (WHO). 2020a. Novel Coronavirus (2019-nCoV) Situation Report-1.
<https://www.who.int/docs/default-source/coronaviruse/situation-reports/> (diakses pada 28 Ogos
2020)